

11/09/1998

Untung dagangan kontra mungkin dicukai

Ebi Azly Abdullah

KERAJAAN sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan cukai keuntungan modal terhadap dagangan kontra, sebagai tambahan kepada kawalan tukaran asing yang diumumkan sebelum ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dagangan kontra dikenal pasti sebagai salah satu masalah yang menyebabkan berlakunya ketidaktentuan dalam pasaran saham negara.

"Kita sedang mengkajinya... kemungkinan memperkenalkan cukai keuntungan modal (dalam dagangan kontra)," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Dagangan kontra adalah pembelian saham tanpa bayaran terlebih dahulu dengan penjelasan bayarannya hanya selepas tempoh lima hari dagangan.

Jika seseorang pelabur membeli saham secara kontra dan menjualnya sebelum tempoh lima hari itu, beliau meraih keuntungan tanpa membuat sebarang pembayaran jika saham itu naik harga.

Menurut Perdana Menteri, institusi perbankan negara kini mempunyai dana mencukupi untuk membiayai kegiatan ekonomi.

Beliau berkata, untuk menerima pinjaman itu, institusi berkenaan mesti mencapai sasaran lapan peratus pemberian pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Negara bagi tahun ini.

"Bank perlu mencapai sasaran lapan peratus (bagi membiayai pemulihan ekonomi), jika mereka tidak melakukannya bermakna mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka sebagai sebuah bank," katanya.

Bank Negara semalam mengarahkan semua institusi perbankan mengeluarkan lebih banyak pinjaman bagi membiayai pemulihan ekonomi negara, dengan pertumbuhan sekurang-kurangnya lapan peratus sehingga akhir tahun ini.

Bagi bank yang gagal memenuhi sasaran, perlu memberi penjelasan kepada Bank Negara manakala bank lain yang mempunyai sasaran tinggi harus meneruskan langkah itu.

Menurut Dr Mahathir, Bank Negara menetapkan pertumbuhan pinjaman pada 15 peratus pada awal tahun tetapi bank memberikan reaksi negatif dan tidak memberikan banyak pinjaman, sehingga menyebabkan pertumbuhan kredit hanya tiga peratus.

"Berikutan bank berkenaan sukar mencapai sasaran 15 peratus itu, kerajaan telah mengurangkannya kepada lapan peratus," katanya.

(END)